

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	07 MAY 2017

Mahathir ubah pendirian kerana terdesak

→ Dendam terhadap DAP diketepi demi dapatkan sokongan pengundi Cina



Salleh Said Keruak

Oleh Luqman Arif
Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Dendam kesumat Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap DAP yang dipendam lebih 44 tahun sanggup diketepikan semata-mata untuk meraih sokongan pengundi Cina menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak, berkata sejak 1969, Dr Mahathir sangat konsisten terhadap tindakan mengancam DAP dan pengundi tegar parti itu yang majoritinya masyarakat Cina di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, kenyataan bercangah atau pusingan 'U' yang diutarakan bekas Perdana Menteri itu menerusi ucapannya yang disampaikan di Gelang Patah, kel-

marin memberi isyarat bahawa dendamnya terhadap DAP sudah hilang ditelan peredaran masa.

Telan kembali ketegasan

"Mengejutkan apabila Dr Mahathir 'menelan' kembali ketegasan pendiriannya pada Mei 2013 yang ketika itu melabel (Ketua Ahli Parlimen DAP) Lim Kit Siang sebagai rasis dan meminta pemimpin itu 'disemadikan' di Gelang Patah.

"Padahal pada 1969, Dr Mahathir menegaskan beliau tidak perlu undi masyarakat Cina kerana dakwanya, pengundi Melayu saja sudah mencukupi bagi menjamin kemenangannya pada PRU.

"Masyarakat Cina kemudian mengambil keputusan mengundi PAS, sekali gus menyaksikan (bekas Presiden PAS) Yusof Rawa (Abdullah) berjaya menundukkan Dr Mahathir di Parlimen Kota Setar.

"Pasca kekalahan itu, Dr Mahathir memberontak dengan menerbitkan

buku anti-Cina, iaitu *The Malay Dilemma* (Dilema Melayu) yang ketika itu diharamkan kerajaan," katanya menerusi laman blog rasminya, sskeruak.blogspot.my, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir ketika menghadiri majlis makan malam anjuran DAP Gelang Patah dilaporkan berkata parti dikemudi Kit Siang itu bukan pergerakan politik cauvinis Cina, sebaliknya dianggotai ahli berbilang kaum.

Bekas Perdana Menteri itu antara lain menyifatkan sangat selesa bekerja dengan DAP yang lebih Malaysia berbanding mana-mana parti dalam kepemimpinan kerajaan ketika ini.

Salleh berkata, Dr Mahathir secara drastik mengubah perwatakan dan pendirian kerana sedar beliau hilang sokongan orang Melayu sehingga terdesak meraih undi masyarakat Cina untuk memastikan kemenangan PPBM serta Pakatan Harapan pada PRU-14.

BH-7/5/2017